

## Bila Tuhan Berbicara (2007): The Ideology of Ashabul Kahfi

Muhammad Hazif Mohd Ali\*

Ayu Haswida Abu Bakar\*\*

hazif0357@gmail.com\*, ayu330@uitm.edu.my (corresponding author)\*\*

### ABSTRACT

*Literature serves as a mechanism for reinforcing an author's ideology. Ideology, in this context, refers to a set of values, principles and beliefs that form the foundation of an individual's, society's, nation's or state's worldview. Faisal Tehrani's novel Bila Tuhan Berbicara (2007) embodies principles and values that not only influence its narrative but also shape the framework of his beliefs and thoughts. While many previous studies have discussed the relationship between ideology and literature, there is a lack of detailed research on the ideology of an author derived from specific Quranic surahs, such as the conceptual thought of Ashabul Kahfi and its profound manifestation within the narrative of a literary work. This gap highlights a significant shortcoming in modern literary discourse, particularly in the context of Faisal Tehrani's writings. Using a qualitative approach based on textual analysis, this study aims to analyse how the ideological concept of Ashabul Kahfi is manifested by Faisal Tehrani in his novel Bila Tuhan Berbicara. The discussion focuses on the process and relationship of Ashabul Kahfi's ideology in shaping a set of values, principles, and beliefs within the world of Bila Tuhan Berbicara. The findings reveal that three types of Ashabul Kahfi thought serve as the main driving forces of the narrative in the novel. This study offers a significant contribution to expanding modern literary discourse, especially in works that creatively incorporate religious and philosophical themes.*

**Keywords:** Ashabul Kahfi, Author ideology, Bila Tuhan Berbicara, Malay literary, Malay Literature

---

Submitted: 03 April 2024

Revised: 15 October 2024

Published: 31 March 2025

\* Student of Creative Writing at the College of Creative Arts Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

\*\* Senior Lecturer at the College of Creative Arts, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.



## Bila Tuhan Berbicara (2007): Ideologi Ashabul Kahfi

Muhammad Hazif Mohd Ali\*

Ayu Haswida Abu Bakar\*\*

hazif0357@gmail.com\*, ayu330@uitm.edu.my (penulis koresponden)\*\*

### ABSTRAK

Kesusasteraan berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan ideologi pengarang. Ideologi, dalam konteks ini merujuk kepada satu set nilai, prinsip dan kepercayaan yang menjadi asas kepada pandangan hidup individu, masyarakat, bangsa atau negara. Justeru novel *Bila Tuhan Berbicara* (2007) karya Faizal Tehrani merangkumi prinsip dan nilai yang bukan sahaja mempengaruhi naratif tetapi juga membentuk kerangka kepercayaan dan pemikiran beliau. Walaupun banyak kajian terdahulu telah membincangkan hubungan antara ideologi dan kesusasteraan, terdapat kekurangan kajian tentang ideologi pengarang yang diangkat dari salah satu surah Al Quran, seperti konsep pemikiran Ashabul Kahfi dan dimanifestasikan konsep ideologi ini secara mendalam dalam naratif sesebuah karya. Kekurangan ini bertindak sebagai jurang yang signifikan dalam wacana kesusasteraan moden terutama dalam konteks karya Faisal Tehrani. Melalui pendekatan kualitatif yang berasaskan kepada analisis tekstual, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana konsep ideologi Ashabul Kahfi dimanifestasikan oleh Faizal Tehrani dalam novel *Bila Tuhan Berbicara*. Fokus perbincangan adalah tertumpu kepada proses dan hubungan ideologi Ashabul Kahfi dalam pembentukan sebuah set nilai, prinsip dan kepercayaan dunia *Bila Tuhan Berbicara*. Dari hasil kajian mendapati tiga jenis pemikiran Ashabul Kahfi menjadi penggerak utama naratif dalam novel tersebut. Kajian ini berfungsi sebagai sumbangan penting dalam memperluaskan wacana ideologi sastera moden, terutama dalam konteks karya yang mengangkat tema keagamaan dan falsafah secara kreatif.

**Kata Kunci:** Ashabul Kahfi, *Bila Tuhan Berbicara*, Ideologi pengarang, Kesusasteraan Melayu. Novel Melayu.

Dihantar: 03 April 2024

Disemak: 15 Oktober 2024

Diterbit: 31 Mac 2025

\* Pelajar Penulisan Kreatif di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

\*\* Pensyarah Kanan di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.



## 1.0 Pengenalan

Karya kesusasteraan seperti novel merangkumi pelbagai bentuk ideologi yang dirujuk sebagai konsep pemikiran. Pada Mohamad Saleeh Rahamad (2020), kesusasteraan merupakan medium memaperkan dan menyetengahkan budaya sesebuah masyarakat. Juga berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan ideologi penulis dan pengarang. Manakala mengikut Nur Muhammad Fansuri (2022), pengarang sebagai seorang individu mempunyai aliran, cara dan bentuk kepengarangan yang berbeza berbanding pengarang yang lain. Justeru, perbezaan inilah yang menyumbang kepada konsep ideologi atau pemikiran pengarang tersebut.

Ideologi merujuk kepada satu set nilai, dan prinsip yang menjadi asas kepada kepercayaan individu, masyarakat, bangsa atau negara. Konsep ideologi pengarang karya merangkumi prinsip dan nilai yang mempengaruhi dan membentuk satu set kepercayaan seseorang pengarang. Pencirian ini memainkan peranan penting dalam membentuk kandungan, gaya, dan tema karya penulisan pengarang tersebut. Menurut wacana sastera moden yang berfokus kepada ideologi pengarang memperkatakan bahawa ideologi berfungsi sebagai agensi pemikiran seorang pengarang yang disampaikan melalui konsep kreativiti melalui karyanya.

Justeru, perbincangan kajian ini berfokus kepada konsep Ashabul Kahfi yang diangkat oleh Faisal Tehrani di dalam karya beliau *Bila Tuhan Berbicara* (2007). Persoalan kajian yang akan dibincangkan adalah merujuk kepada sejauhmana konsep ideologi atau pemikiran Ashabul Kahfi di dalam naratif *Bila Tuhan Berbicara* diangkat oleh pengarang

## 2.0 Kajian Literatur

### 2.1 Ideologi Pengarang

Ezzah' Afifah, & Che Ibrahim (2015) berpendapat, ideologi yang merujuk sebagai pemikiran merupakan sebuah idea yang disifatkan sebagai tanggapan. Tanggapan ini adalah pegangan yang didefinisikan sebagai kepercayaan. Marzalina Mansor et. al (2016), bersependapat dengan mereka apabila beliau menyatakan bahawa pemikiran pengarang adalah perkara yang penting dalam kajian Kesusasteraan. Pada Marzalina Mansor, pemikiran pengarang definisikan sebagai penggabungan idea yang timbul dan 'dikupas' melalui proses penceritaan atau naratif karya tersebut melalui konflik atau permasalahan individu atau masyarakat. Proses kupasan ini dipengaruhi oleh prinsip, nilai yang bersifat kepercayaan atau pegangan pengarang tersebut.

Pengarang karya sastera seperti novel pada Noraini Ibrahim, & Ani Omar (2017) adalah wadah kreatif yang digunakan sebagai medium penyalur, penyampai dan berkongsi pendapat yang bersifat pemikiran beliau kepada masyarakat. Sungguhpun begitu, Farra Humairah, & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) berpendapat bahawa pemikiran pengarang dalam sebuah karya sastera seperti novel, perlu penelitian pengarang melalui kupasan idea di dalam proses penceritaan. Penelitian ini menyumbang kepada kesan dan pengaruh karya tersebut terhadap pembaca yang didefinisikan sebagai masyarakat.



Idea yang dikupas oleh pengarang di dalam karyanya pada Noor Azmira Mohammed (2021) bersifat dua jenis; tersurat dan tersirat. Kupasan idea tersirat melalui konsep penceritaan tertentu menyumbang kepada *in-depth* ideologi atau pemikiran pengarang tersebut.

## 2.2 Ashabul Kahfi Dari Konsep Pemikiran

Ashabul-Kahfi dirujuk sebagai transformasi kehidupan budaya masyarakat Islam. Naratif Ashabul Kahfi berfungsi yang diangkat melalui ikon dan indeks kisah tersendiri menyumbang kepada pengukuhan keimanan.

Mengikut pendapat Rahmansyah (2020), kisah *Ashabul Kahfi* mengklasifikasikan tiga belas konsep nilai: *muhasabatun nafsi*, *Aqidah*, *l'tsar*, *tawadhu*, *wira'i*, *tasamuh*, *taqwa*, *ikhtiar*, *tafakkur*, *tawakkal*, *zuhud*, *istiqomah*, dan *siddiq*. Manakala pada Siti Norlina Muhamad (2019), personaliti pemuda *Ashabul Kahfi* terbahagi kepada tiga iaitu keimanan yang kukuh, sentiasa mencari dan berada dalam hidayah Allah dan mampu mengeluarkan hujah yang kukuh dan bernas.

Pencirian keimanan menurut Siti Norlina merujuk kepada keteguhan dan keyakinan yang tidak berbelah bagi atau mutlak hanya kepada Allah. Pencirian ini bertindak sebagai penyebab utama tindakan mereka sanggup meninggalkan segala kemewahan dan kesenangan hidup sebagai keluarga bangsawan dan melarikan diri ke dalam gua. Tindakan ini bertujuan menyelamatkan aqidah dan pegangan mereka daripada kezaliman raja yang menindas dan berlaku kejam kepada individu yang tidak mahu menyembah berhala.

Pencirian kedua: sentiasa mencari dan berada dalam hidayah Allah, merujuk kepada keadaan ketika dalam usaha menyelamatkan diri dari kekejaman raja, mereka sentiasa memohon rahmat perlindungan, petunjuk dan hidayah dari Yang Esa. Agar hati mereka kuat dan tidak lemah dalam mengharungi ujian ketika itu. mengarahkan pemikiran kepada perkara yang lebih praktikal untuk dilakukan pada masa tersebut iaitu memenuhi keperluan yang lebih utama. Pencirian terakhir, kemampuan mengeluarkan kata-kata dan hujah yang kukuh dan bernas merujuk ketika mereka berdepan dengan masyarakat dan pemerintah. Kemampuan ini menjadikan cerita mereka dipercayai, diyakini benar dan diterima. Kemampuan ini juga secara langsung mengangkat tauhid Allah tinggi.

Wan Basyirah Abdul Majid (2022) di dalam kajiannya memperkatakan tentang tiga nilai pemikiran atau ideologi di dalam cerita Ashabul Kahfi: nilai keimanan, nilai ketakwaan dan nilai keteguhan. Pada Wan Basyirah Abdok Majid, konsep nilai pemikiran keimanan merujuk kepada tingkah kumpulan pemuda ini sentiasa memohon perlindungan, petunjuk dan hidayah setiap tingkah laku mereka agar tauhid mereka kepada Yang Esa mutlak dan tetap.

Konsep pemikiran nilai ketakwaan dapat dilihat pendirian mereka yang berpendirian tetap dengan mengakui Allah adalah tuhan yang benar. Maka mereka yakin penyembahan berhala itu adalah menyalahi aqidah tauhid yang



sebenar. Manakala konsep pemikiran nilai keteguhan dirujuk sebagai penyatuan pegangan keimanan dan ketakwaan menyumbang kepada pegangan ketakwaan. Keadaan ini merujuk kepada tingkah kumpulan pemuda ini yang menolak kehidupan mewah dan juga pujukan 'rasuah' untuk menjual keimanan dan ketakwaan mereka kepada Allah agar menyembah berhala.

Sebagai rumusan, kisah Ashabul Kahfi berfungsi sebagai satu konsep pemikiran bersifat ketuhanan. Memperkatakan tentang kepentingan keyakinan keimanan dan ketakwaan yang teguh.

### 2.2.1 Sinopsis Ashabul Kahfi

Ashabul Kahfi diceritakan di dalam *Al Quran* dalam *Surah Al Kahfi (Gua)*. Menceritakan tentang sekumpulan pemuda melarikan diri dari kezaliman yang bersifat kekejaman dan keganasan raja negara tersebut kepada mereka yang menolak penyembahan berhala. Kezaliman ini mengakibatkan banyak nyawa yang tidak bersalah terkorban. Sekumpulan pemuda ini yang percaya kepada Keesaan Allah mencari perlindungan di sebuah gua dari kezaliman pemerintah ini. Allah menidurkan mereka selama lebih kurang tiga ratus tahun.


Apabila mereka dibangunkan dari tidur yang panjang, pada awalnya mereka menyangka mereka hanya tertidur hanya sebentar. Setelah sedar keadaan dan hal sebenar mereka yakin dengan kekuasaan Allah Yang Esa. Salah seorang daripada kumpulan ini memberanikan diri keluar ke pasar membeli makanan. Ketika itu sedarlah mereka dunia telah berubah. Masyarakat di situ telah memeluk Islam dan kisah mereka yang ditidurkan Allah lama tersebar serata pelusuk ruang.

Justeru, cerita ini sampai ke telinga pemerintah di situ. Mereka dibawa menghadap beliau. Setelah mendengar dan menyaksikan iman mereka yang tidak berbelah bahagi, pemerintah itu mempelawa mereka untuk tinggal di istana tetapi ditolak oleh kumpulan pemuda ini. Pada mereka, gua adalah tempat mereka.

## 3.0 Metodologi Kajian

### 3.1 Reka bentuk kajian


Reka bentuk kajian ini adalah bersifat kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis tekstual – *Bila Tuhan Berbicara* (Rajah 1).



**Rajah 1:** Reka Bentuk Kajian Kualitatif: Tekstual Analisis *Bila Tuhan Berbicara (2007): Ideologi Ashabul Kahfi*

Teks untuk kajian ini adalah novel *Bila Tuhan Berbicara (2007)* karya Faisal Tehrani. Koding merujuk kepada fokus kajian iaitu konsep *Ashabul Kahfi* yang diangkat dalam tekstual novel ini. Kerangka konseptual teori yang dipilih bagi tujuan pengumpulan data adalah konsep konsep pemikiran pengarang dan konsep pemikiran Ashabul Kahfi yang dibentuk dari perbincangan kajian literatur.

### 3.2 Kerangka Teori Konseptual



**Rajah 2:** Kerangka Teori Konseptual Ideologi atau Pemikiran Pengarang: *Bila Tuhan Berbicara (2007): Ideologi Ashabul Kahfi*.

Berdasarkan kepada rajah 2, pembentukkan kerangka teori konseptual pemikiran atau ideologi pengarang dikaji melalui konsep pemikiran Farrah Humaerah & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) yang digabungkan dengan elemen pemikiran Ashabul Kahfi dari Wan Basyirah Abdul Majid (2022).

### 4.0 Sinopsis *Bila Tuhan Berbicara (2007)*

*Bila Tuhan Berbicara* adalah sebuah novel dalam bentuk konsep penulisan drama pentas. Berkisar tentang tiga Sahlan, Razlan dan Mazlan yang dipertemukan dalam sebuah bunker. Mereka terperangkap di dalam kubu atau *bunker* kerana bencana gempa bumi, taufan dan letupan gunung berapi yang melanda kawasan itu.

Sahlan, seorang saintis ahli *vulcanologist* yang tersohor dan menjadi rujukan dunia



menyimpan berhasrat dan di dalam dilemma untuk menukar jantina kepada seorang wanita. Mazlan, seorang doktor perubatan yang berjaya sedang berdepan dengan masalah rumahtangga. Masalah ini timbul dan berpunca dari campur tangan keluarganya. Ketegangan ini mengakibatkan dia membunuh isterinya tanpa sengaja. Manakala Razlan, seorang ustaz muda dan seorang ekstrimis agama melalui ideologi radikalnya. Di dalam bunker ketika menunggu keadaan kembali selamat dan aman, mereka saling bertukar-tukar pendapat dan berdebat tentang aqidah dan akhlak seorang Islam. Ada ketikanya keadaan menjadi tegang dan ada ketikanya keadaan bertukar aman. Akibat dari kepenatan tertidur.

Apabila terjaga dan sedar dari lena beribu tahun lamanya, mereka berada dalam dunia atau ketamadunan baru yang diperintah oleh seorang wanita - Paduka Ratu. Di alam yang baru ini mereka dipertanggungjawabkan mencari penawar dan mengubati penyakit kusta yang melanda masyarakat di situ. Dalam masa yang sama mereka menggunakan kesempatan ini untuk menyebarkan syariat Islam dan akhirnya Paduka Ratu memeluk Islam.

## 5.0 Perbincangan

### 5.1 Proses Penceritaan: Karya Sastera dan Penelitian Pengarang Melalui Kupasan Idea

Konsep cerita *Ashabul Kahfi* jelas diangkat di dalam naratif *Bila Tuhan Berbicara*. Merujuk kepada Jadual 1, terdapat empat penceritaan naratif *Ashabul Kahfi* dijadikan konsep idea pengarang dalam menggerakkan cerita *Bila Tuhan Berbicara*. Pertama, konsep idea watak bersifat kumpulan dan dari kalangan atasan. Direpresentasikan dalam konsep tiga watak yang mempunyai kerjaya professional yang berjaya: Sahlan, seorang saintis yang dirujuk sebagai ahli *vulcanologist* tersohor dan menjadi rujukan dunia dan yang berfikiran secular. Mazlan, seorang doktor perubatan yang mempunyai masalah keluarga dan Razlan, seorang pendakwah dan ekstrimis agama melalui ideologi radikal.

Kedua, konsep idea struktur penceritaan. Pertama, menyelamatkan diri di gua. Kedua konsep idea ditidurkan dalam jarak masa yang sangat lama. Ketiga konsep dibangunkan semula di dunia dan ketamadunan baru. Dan keempat, konsep zuhud, menolak kemewahan dunia dan kembali tinggal di gua.



**Jadual 1:** Proses Penceritaan: Karya Sastera dan Penelitian Pengarang Melalui Kupasan Idea

<b>Struktur Ashabul Kahfi</b>	<b>Naratif</b>	<b>Ciri Konsep Idea Ashabul Kahfi di dalam naratif <i>Bila Tuhan Berbicara</i></b>	<b>Kupasan Pengarang</b>	<b>Idea</b>
	Sekumpulan pemuda (tujuh orang) menyelamatkan diri di gua dari kezaliman pemerintah	Watak Bersifat Kumpulan (tiga orang) dan dari kalangan golongan professional	Sahlan, seorang saintis yang dirujuk sebagai ahli <i>vulcanologist</i> tersohor dan menjadi rujukan dunia. Mazlan, seorang doktor yang berjaya dan Razlan, seorang pendakwah dan ekstrimis agama.	
	Ditidurkan Allah selama 309 tahun.	Ditidurkan Allah selama beribu-ribu tahun	Menunggu keadaan di luar reda dan selamat, mereka saling bertukar-tukar pendapat dan menyumbang kepada perdebatan tentang aqidah dan akhlak seorang Islam. Mereka tidur kerana keletihan.	
	Dibangunkan ke dunia dan ketamadunan baru.  Zuhud. Menolak kemewahan istana dan kembali tinggal di dalam gua.	Dibangunkan ke dunia dan ketamadunan baru.  Zuhud. Menolak kemewahan istana dan kembali tinggal di dalam gua.	Dunia yang diperintah oleh Paduka Ratu. Mereka diberi misi dan tanggungjawab mengubati penyakit kusta yang melanda masyarakat di situ. Dalam masa yang sama mereka mengambil peluang menyebarkan syiar Islam. Apabila mereka selesai dan berjaya. Paduka Ratu menawarkan pangkat. Mereka menolak dan kembali tinggal di gua.	

Keempat-empat konsep idea Ashabul Kahfi yang diangkat dan dikupas melalui unsur kreativiti pengarang, adalah penggerak utama dalam penceritaan *Bila Tuhan Berbicara*.





Justeru, keempat-empat konsep idea ini membentuk satu konsep struktur penceritaan Ashabul Kahfi versi *Bila Tuhan Berbicara* yang lengkap. Pemilihan ciri perwatakan ini juga menyumbang kepada penelitian pengarang sebagai mekanisma penggerak cerita yang menyumbang kepada ikon dan indeks kontemporari Malaysia khususnya dan global umumnya.

#### 4.2 Pemikiran Konsep Ashabul Kahfi

Fokus pemikiran Ashabul Kahfi di dalam novel *Bila Tuhan Berbicara* karya Faisal Tehrani hanya merujuk kepada tiga konsep pemikiran yang diperkatakan oleh Wan Basyirah Abdul Majid (2022). Pertama konsep pemikiran keimanan, kedua konsep pemikiran ketakwaan dan ketiga konsep pemikiran keteguhan.

**Jadual 2:** Konsep Pemikiran Ashabul Kahfi di Dalam Novel *Bila Tuhan Berbicara*

Konsep Pemikiran Ashabul Kahfi	Peristiwa Ashabul Kahfi	Penceritaan Ashabul Kahfi yang diangkat ke dalam novel	
Keimanan	Sekumpulan pemuda dari kalangan bangsawan melarikan diri ke gua demi untuk menyelamatkan aqidah dan diri mereka dari kezaliman raja: zalim terhadap individu yang tidak mahu menyembah berhala.	Tiga lelaki berkerjaya professional: Sahlan- <i>vulcanologist</i> tersohor dunia, Mazlan-doktor dan Razlan-ekstrimis agama berideologi radikal  Perdebatan tentang aqidah, akhlak dan syariat Islam, Sahlan dan Mazlan akui kekhilafan mereka dan insaf.	Konsep Pemikiran Keimanan dibentuk.  Konsep Pemikiran Keimanan dibentuk
Ketakwaan	Memohon perlindungan, petunjuk dan hidayah dari Allah untuk mereka memelihara aqidah tauhid mereka.	Menjaga aqidah dan akhlak ketika menjadi tawanan Paduka Ratu. Dalam masa yang sama menyebarkan syiar Islam.	Proses pemikiran dijana khususnya perihal nafsu dan ghaib.
Keteguhan	Kumpulan pemuda ini menolak tawaran raja di alam baru supaya mereka tinggal di istana. Sungguhpun keadaan di zaman itu sudah aman dan tenang, mereka tetap ingin tinggal di dalam gua yang pada mereka adalah petunjuk dan hidayah serta rahmat dan Keesaan Allah.	Paduka Ratu akan menuaikan apa saya permintaan mereka.  Mereka memilih untuk balik ke bunker dan tidur semula.	Keyakinan dengan kuasa Yang Esa, Sang Pencipta



#### 4.2.1 Konsep Pemikiran Keimanan Ashabul Kahfi di dalam *Bila Tuhan Berbicara*

Merujuk kepada Jadual 2: Konsep Pemikiran Keimanan Ashabul Kahfi yang diangkat di dalam penceritaan *Bila Tuhan Berbicara* melalui konsep kekhilafan aqidah, akhlak dan keinsafan.

Sahlan, seorang saintis dalam bidang gunung berapi atau *vulcanologist* yang tersohor dan menjadi rujukan dunia berpegang pada pendidikan sekular. Pendidikan sekular yang dipegang menjadikan beliau menganggap kejadian alam tiada hubungan dengan Pencipta. Dalam pada itu, beliau mempunyai keinginan untuk menjadi seorang perempuan. Justeru bercadang untuk melakukan pembedahan jantina.

Mazlan, seorang doktor yang berjaya berdepan dengan masalah rumahtangga. Masalah rumahtangga Mazlan berpunca dari campurtangan keluarganya sendiri. Hal ini berpunca dari kelemahan pegangan agama baik dari pihak Mazlan, isteri dan keluarga tentang tanggungjawab seorang suami dan sebagai seorang anak. Juga ketidakarifan perihal syariat Islam dalam konsep keluarga Islam.

Oleh yang demikian, kesan dari tekanan keluarga dan isteri, tanpa sengaja Mazlan telah membunuh isterinya dalam satu insiden. Manakala Razlan, seorang ahli ilmuan agama. Seorang pendakwah berideologi radikal dan perwatakan ganas.

Konsep pemikiran keimanan Ashabul Kahfi direpresentasi oleh pengarang di dalam teks kajian, melalui naratif bertukar pendapat di antara ketiga-tiga watak di *bunker*. Kupasan idea konsep pemikiran ini diproses melalui penelitian kreativiti pengarang dan direpresentasikan melalui babak perdebatan di antara mereka bertiga yang berfokus kepada persoalan dan isu aqidah, akhlak dan tanggungjawab syiar Islam di antara mereka.

Sungguhpun begitu, Razlan, seorang ilmuan agama yang berideologi radikal bertindak sebagai agen naturalisasi kepada kedua-dua watak Sahlan dan Mazlan. Maka dengan itu watak dan pencirian Razlan di dalam naratif *Bila Tuhan Berbicara* berfungsi sebagai indeks penyumbang terhadap pembentukan konsep nilai pemikiran keimanan kepada Sahlan dan Mazlan. Justeru, hasil dan kesan dari perdebatan ini kesedaran tentang kekhilafan dan kejahilan diri masing-masing timbul melalui rasa menyesal, bersalah dan insaf. Emosi rasa kesedaran ini menyumbang kepada pembentukan aqidah dan akhlak baru yang menyumbang kepada pembentukan nilai keimanan.

Hal yang sama berlaku dalam cerita Ashabul Kahfi. Sekumpulan pemuda yang bersembunyi di dalam gua bertukar cerita dan mendapat perihal masalah akhlak dan pegangan aqidah mereka selama ini. Sungguhpun begitu, nilai keimanan sekumpulan pemuda ini sudah lama



terbentuk sebelum keberadaan mereka di dalam gua.

Kupasan idea konsep pemikiran keimanan Ashabul Kahfi oleh pengarang melalui proses penelitian penceritaan, diangkat melalui naratif pembentuk konsep aqidah dan akhlak. Konsep ini diangkat melalui indeks kekhilafan, kesedaran dan keinsafan. Dengan ini, indeks ini berfungsi sebagai mekanisma kritikan kepada kalangan masyarakat Islam setempat mahupun di peringkat global. Khususnya sekularism di kalangan masyarakat Islam tempatan dan juga peringkat global. Juga kritikan terhadap kekeliruan kefahaman syariat rumahtangga Islam yang bercampur aduk dengan adat dan kepercayaan keluarga Melayu.

#### 4.2.2 Konsep Pemikiran Ketakwaan Ashabul Kahfi di dalam *Bila Tuhan Berbicara*

Konsep Pemikiran Ketakwaan Ashabul Kahfi di dalam novel *Bila Tuhan Berbicara*, merujuk kepada perkaitan pembentukan keimanan dalam diri ketiga-tiga watak ini. Merujuk kepada Jadual 2, pada tahap ini ketiga-tiga watak direpresentasi sebagai sudah terbentuk nilai keimanan dalam diri masing-masing. Oleh kerana itu, langkah seterusnya mereka perlu menjaga dan mengawal aqidah dan akhlak yang baru dibentuk, khususnya pada watak Sahlan dan Mazlan.

Kupasan idea konsep pemikiran ketakwaan oleh pengarang melalui penelitian proses penceritaan diangkat melalui kenakalan tingkah watak Paduka Ratu, pemerintah dunai baru. Dunia yang direpresentasikan sebagai primitif dan dilanda wabak kusta. Menariknya, wabak ini hanya menyerang kaum lelaki di dunia itu.

Maka dengan inilah, kenakalan Paduka Ratu berlaku dan berpunca dari keterujaan beliau melihat dan berdepan dengan lelaki sihat. Kenakalan ini merujuk kepada nafsu yang direpresentasi secara kiasan, dan dialog tersirat. Juga keinginan seksual Paduka Ratu yang direpresentasikan melalui gambaran minda separuh sedar. Oleh yang demikian, jiwa mereka yang baru membentuk nilai keimanan perlu menjaga akhlak. Dengan secara halus menolak, mengelak dan tidak melayan kerenah kenakalan dan nafsu Paduka Ratu. Tingkah menjaga akhlak ini menyumbang kepada kawalan aqidah yang baru dibentuk melalui proses keimanan ketika di dalam bunker.

Pemikiran ketakwaan ini juga direpresentasi melalui cabaran dan ujian mereka dalam menyelesaikan tanggungjawab yang diberikan oleh Paduk Ratu demi untuk membebaskan diri dari tawanan Paduka Ratu. Iaitu, mereka perlu berjaya mencari penawar dan mengubati penyakit kusta di situ dan perlu memberi informasi dan perihal dunia mereka yang dahulu kepada Nenek Tua, seorang paling tinggi ilmunya di situ. Demi untuk dunia baru yang bersifat primitif ini boleh membangun dan membina sebuah ketamadunan seperti dunia hilang beribu tahu dahulu.



Ketika proses mengumpulan informasi bersama Nenek Tua, mereka diberitahu perihal kewujudan dunia baru ini. Dunia ini wujud selepas peristiwa bencana alam besar dahulu. Justeru bencana alam besar inilah menyebabkan mereka bersembunyi, terperangkap dan tertidur lama dalam bunker itu selama beribu tahun.

Justeru, kesan dari aqidah yang dibentuk melalui proses keimanan ketika di bunker, apa yang berlaku kepada mereka ketika ini boleh mereka diterima. Dengan kefahaman hal ghaib adalah ketentuan Allah untuk jadikan mereka sebagai penyampai syiar dan syariat Allah kepada masyarakat primitif dan masih tiada pegangan tauhid Sang Pencipta yang sebenar. Indeks ketakwaan ini menjadi penggerak utama kepada ketiga-tiga watak ini bernekad dan berusaha menyampaikan syiar Islam kepada Paduka Ratu dan masyarakat di situ.

Jelas, nilai keimanan yang diangkat melalui aqidah dan akhlak ketika ini menyumbang kepada konsep pemikiran ketakwaan pengarang melalui naratif *Bila Tuhan Berbicara*. Konsep pemikiran ketakwaan ini menyumbang kepada kritikan penjagaan aqidah dan akhlak masyarakat Islam, khususnya yang berkaitan nafsu dan perihal ghaib.

#### 4.2.3 Konsep Pemikiran Keteguhan Ashabul Kahfi di dalam *Bila Tuhan Berbicara*

Konsep Pemikiran Ketakwaan Ashabul Kahfi di dalam novel *Bila Tuhan Berbicara*, merujuk kepada perkaitan pembentukan keimanan dan ketakwaan dalam diri ketiga-tiga watak: Sahlan, Mazlan dan Razlan.

Di akhir naratif *Bila Tuhan Berbicara* mengangkat kejayaan, pertama, mereka bertiga berjaya mencari penawar penyakit kusta dan berjaya dirawat serta diubati. Justeru, mereka bertiga dibebaskan. Kedua, dakwah syiar Islam mereka diterima Paduka Ratu dan masyarakat di situ. Melalui pegangan hidup Islam Paduka Ratu bersama masyarakat di situ membina sebuah ketamadunan baru.

Sebagai tanda penghargaan, jasa mereka, Paduka Ratu bersetuju untuk memenuhi apa saja permintaan mereka. Sungguhpun begitu, kesan dari nilai nilai keteguhan keimanan yang diangkat melalui nilai ketakwaan menjadikan ketiga-tiga watak ini hanya memilih untuk pulang ke bunker dan tidur semula. Di situ mereka bercadang dan berpakat untuk tidur semula setelah selesai dan berjaya menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh Sang Pencipta kepada mereka.

Pemilihan proses penceritaan begini oleh pengarah mengangkat nilai pemikiran keteguhan terhadap nilai keimanan dan nilai ketakwaan di dalam naratif *Bila Tuhan Berbicara* jelas dan kukuh. Dengan merangka pengakhiran yang bersifat zuhud menyumbang kepada konsep pemikiran nilai keteguhan yang menyumbang kepada sifat tawakkal dan redha yang tinggi.



Konsep pemikiran keteguhan di dalam *Bila Tuhan Berbicara* berfungsi sebagai agen kritikan sosial kepada segenap lapisan masyarakat Islam berkaitan konsep materialistik masyarakat Islam sejagat.

#### 4.3 **Analisa Konsep Cerita dan Pemikiran Ashabul Kahfi Di Dalam *Bila Tuhan Berbicara***

Dari perbincangan dapat kajian, konsep penceritaan cerita Ashabul Kahfi digunakan sepenuhnya oleh pengarang dalam mengstrukturkan plot naratif *Bila Tuhan Berbicara*. Konsep penceritaan cerita yang dibahagi kepada dua konsep: konsep watak dan struktur plot cerita berfungsi sebagai penceritaan utama dalam mengangkat kisah berkonsepkan 'hero journey' tiga watak utama: Sahlan, Mazlan dan Razlan yang akhirnya bertemu hidayah dan mendapat keteguhan iman.

Melalui struktur penceritaan empat konsep utama cerita Ashabul Kahfi diangkat sebagai idea penting. Keempat-empat konsep ini: menyelamatkan diri di gua, ditidurkan dalam jarak masa yang sangat lama, dibangunkan semula di dunia dan ketamadunan baru, dan konsep zuhud. Kesemua konsep ini digunakan oleh pengarang melalui proses penelitian dalam merangka penceritaan. Konsep idea ini berfungsi sebagai ruang dan waktu, dan *setting* serta penggerak cerita utama *Bila Tuhan Berbicara*.

Konsep pemikiran Ashabul Kahfi oleh Wan Basyirah hanya digunapakai sepenuhnya melalui konsep pemikiran keimanan dan konsep pemikiran keteguhan. Justeru, konsep pemikiran ketakwaan di mana di definisikan sebagai sentiasa memohon pertolongan, petunjuk dan hidayah demi menjaga aqidah, di dalam naratif *Bila Tuhan Berbicara* bersifat tidak mendalam. Konsep pemikiran ketakwaan tidak proses sepenuh sebagai salah satu mekanisme penceritaan berdasarkan penceritaan perwatakan yang bermula dengan bersifat pegangan sekularism yang kuat dan kekeliruan pegangan agama khususnya perihal tanggungjawannya dalam sebuah keluarga Islam yang bercampur aduk dengan adat dan percayaaan budaya Melayu.

#### 5.0 **Kesimpulan**

Faisal Tehrani melalui naratif *Bila Tuhan Berbicara*, melalui proses penelitian merangka penceritaan 'Ashabul Kahfi' melalui identiti konsep cerita dan tiga pemikiran Ashabul Kahfi yang distrukturkan melalui konsep aqidah. Konsep pemikiran keimanan, konsep pemikiran ketakwaan dan konsep pemikiran keteguhan bertindak sebagai mekanisme kritikan pengarang kepada masyarakat.



## Rujukan

- Ezzah Afifah Nasrudin, & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu dalam Cerita Lipur Lara. *Dokumen.tips*, 3(2),63-79 <https://dokumen.tips/documents/pemikiran-melayu-dalam-cerita-lipur-lara.html?page=1>
- Faisal Tehrani. (2007). *Bila Tuhan Berbicara*. Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd
- Farrah Humairah Mohd, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan Mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak: Teaching spirituality in contemporary children's literature. *PENDETA*, 7, 35–51. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1190/853>
- Mohammad Saleeh Rahamad. (2020). Sastera pengukuh ideologi, *Sinar Harian*. [https://www.sinarharian.com.my/article/112430/khas/pendapat/sastera-pengukuhideologi#google\\_vignette](https://www.sinarharian.com.my/article/112430/khas/pendapat/sastera-pengukuhideologi#google_vignette).
- Noor Azmira Mohamed. (2021). Pemahaman makna tersirat dalam interaksi kanak-kanak prasekolah. *Sains Insani*. 6(1), 167—172. <https://www.researchgate.net/publication/352041700>
- Noraini Ibrahim, & Ani Omar. (2017). Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. *Sains Humanika*, 9(3). <https://doi.org/10.11113/sh.v9n3.1169>
- Nur Muhammad Fansuri. (2022). Beza penulis, pengarang dan sasterawan, BH Online. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2022/04/946140/bezapenulis-pengarang-dan-sasterawan>.
- Rahmansyah. (2020). Nilai-nilai pendidikan islam dalam kisah *Ashabul Kahfi* (Analisis Kajian *Al-Qur'an Surah Al-Kahfi*: 9-26). uinsu.ac.id. <http://repository.uinsu.ac.id/id/eprint/9631>
- Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Ahmad Ziyaadi Al-Hatim Mahpuz, Hanisah Abdul Rahman, & Asma' Nurul 'Aqilah Mahpuz. (2023). View of pola pemakanan dan kesannya terhadap gaya hidup dan pemikiran individu: analisis terhadap Surah *Al-Kahfi*. *Usim.edu.my*. <https://uijournal.usim.edu.my/index.php/uij/article/view/115/75>
- Wan Basyirah Abdul Majid, Muhamad Zaidi Zakaria, & Muhammad Irfan Mhd Rusdi. (2022). Analisis nilai-nilai budaya dalam kisah Surah *Al-Kahfi*: Orientation of Cultural Values in The Story of Surah Al-Kahfi. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10(1), 102–119. <https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/220/156>.

